

**Meninjau ke Alam Akhirat:**

## **Soal Orang Mukmin Melihat Tuhan**

### **Perselisihan Ulama Tentang Kaum Perempuan**

#### **Telah Melihat Tuhan Pada Hari Akhirat**

Di antara soal-soal yang berkait dengan iman hari akhirat ialah: Soal orang-orang mukmin melihat Tuhan pada hari akhirat.

Menurut pendapat ahli hadith, bahawa: Orang-orang mukmin akan melihat Tuhan mereka pada hari akhirat dengan mata kepala mereka dan Tuhan berkata-kata dengan mereka pada hari itu.

Dalam kitab “*Hādīt al-’Arwāh*” ada tersebut bahawa: Tuhan itu dilihat tetapi tidak didapati (*lā yudrak*), sebagaimana Tuhan itu diketahui dan tidak diliputinya. Inilah yang difahamkan oleh sahabat-sahabat dari firman Allah ertinya:

Tuhan tidak didapati oleh mata, oleh pemandangan, dan dia mendapati segala yang dipandang (23, *al-An’ām*).

Jadi, orang mukmin dapat melihat Tuhan pada hari akhirat dengan mata kepada mereka, tetapi penglihatan mereka itu tidak dapat meliputinya. Demikian juga orang mukmin dapat mendengar perkataan (*kalām*) Tuhan, tetapi mereka tidak dapat meliputinya. (al-Safārīnī 2: 236-238).

Perselisihan ulama tentang kaum perempuan melihat Tuhan pada hari akhirat.

Mengenai soal perempuan melihat Tuhan pada hari

akhirat, segolongan dari ulama, di antaranya al-Hāfiẓ

‘Imād al-Dīn ’Ibn Kathīr berpendapat, bahawa: Orang perempuan juga akan melihat Tuhan mereka pada hari akhirat, iaitu pada hari raya *fīṭrah* dan hari raya *adha* dan tidak melihat Tuhan pada hari raya Jumaat. Pendapat Ibn Kathīr ini didasarkan kepada zahir hadith al-Dār Qaṭnī. Dengan hadith ini pula al-Hāfiẓ al-Suyūṭī menjazamkan hal itu. Tetapi al-Hāfiẓ al-Suyūṭī mengecualikan isteri-isteri Nabi-Nabi dan anak-anak perempuan mereka, bahawa mereka ini semua melihat Tuhan mereka, pada hari raya dan hari-hari yang lain.

Jelasnya, melihat Tuhan pada *mawqif* diperoleh oleh Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul dari segala umat dan oleh orang-orang mukmin lelaki dari umat ini (Islam). Mengenai orang selain dari umat ini diperselisihinya.

Pendapat yang diperkuatkan oleh al-Safārīnī, ialah bahawa malaikat dan mukmin-mukmin dari jin melihat Tuhan dimawqif berserta orang-orang mukmin yang lain. Dalam syurga orang-orang mukmin ini pun melihat juga Tuhan pada sehingga waktu.

Al-Hāfiẓ ’Ibn Rajab telah menjazamkan dalam kitabnya “*al-Laṭā’ if*” bahawa tiap-tiap hari raya bagi orang-orang mukmin di dunia ini sesungguhnya adalah hari raya bagi mereka di dalam syurga, mereka berkumpul untuk menziarahi Tuhan, pada waktu itu tampaklah kepada mereka Tuhan sehingga mereka dapat melihatnya.

Golongan mu'tazilah tidak membenarkan adanya *ru'yat* dan menta'wilkan segala hadith-hadith *ru'yat* itu (al-Safārīnī 2: 237-245).

Pengertian ulama dalam memaknakan ayat:

“*Lā tudrikuhu al-abṣāru wa huwa yudriku al-abṣāra wa huwa al-laṭīfu al-khabīru*” (tidak dapat dilihat oleh segala penglihatan dan Dialah Yang Melihat segala penglihatan, dan dialah Yang Maha Halus dan Maha Mengetahui) 103, *al-'Anām*.

Kata jumhur: Yang ditidakkan di sini ialah “*ru'yat Ihāṭah*” (pemandangan yang meliputi - P) yang dengannya dapat diketahui hakikat Tuhan, bukan semata-mata *ru'yat*.

Inilah pendapat yang terkuat dalam menghimpunkan ayat dengan hadith yang sahih yang menetapkan bahawa orang-orang yang mukmin melihat Tuhan di akhirat. Golongan yang membenarkan faham mu'tazilah yang menidakkannya *ru'yat* kerana mengertikan “*idrāk*” dengan *ru'yat* mata kepala, menetapkan bahawa yang dinafikan di sini tertentu dengan keadaan dunia dan mereka berkata: bahawa ‘Ā’ishah menetapkan ada *ru'yat* di akhirat. Adapun yang ditidakkan oleh ‘Ā’ishah ialah *ru'yat* di dunia, walaupun oleh Nabi sendiri.

Menetapkan *ru'yat* dalam negeri akhirat yang berlainan dari negeri dunia dalam segala urusan dengan cara *tanzīh* dari menyerupakan Tuhan dengan hamba-Nya, bukanlah dari antara hal-hal yang mustahil. Tak ada dalam al-Qur'an ayat-ayat yang *qat'iyy* dilalahnya dalam menegakkan *ru'yat* dan dalam menidakkannya.

Ada hadith sahih yang tegas menetapkan *ru'yat*, tetapi apakah yang dimaksudkan dengan *ru'yat*, tidak *qat'iyy* disamping itu ada pula hadith yang tegas-tegas menidakkannya *ru'yat*.

Ahli-ahli hadith dan alim ulama dari mazhab

Hanbali menyerahkan maksud dari hadith-hadith *ru'yat* itu kepada Allah sendiri. Mereka tidak menta'wilkan dan tidak mentashbihkan.

### Kesimpulannya

*Ru'yat* bukan dari dasar iman yang *qat'iyy*. Dalam pada itu, umat sejahtera lah kita berpegang kepada zahirnya dengan tidak menta'wilkan, iaitu menetapkan adanya *ru'yat bilā kayfa*” (melihat dengan tidak mengetahui kaifiyatnya). (Soal itu telah dibahaskan oleh al-Sayyid Rashīd Ridā dalam *al-Manār* 9: 128).

Kata al-Sayyid Rashīd:

Mengenai Nabi melihat Tuhan pada malam *mi'rāj* ada yang menetapkan dengan mata hati, ada yang menetapkan dengan mata kepala, sebagaimana ada yang menidakkannya. Ibn 'Abbās menetapkan ‘Ā’ishah menidakkannya. Riwayat yang diterima dari ‘Ā’ishah terang tegasnya. Ibn Mas'ūd dan Abū Hurayrah juga menidakkannya. *Dinaqalkan* oleh al-Dārimī akan *ijmā'* sahabat atas demikian yakni menidakkannya. (al-Minār 9: 147).

Kesimpulannya, riwayat Ibn 'Abbās yang menetapkan adanya *ru'yat*, sebenarnya suatu *istinbāt* daripadanya, bukan suatu hadith *ma'arūf*. Ringkasnya riwayat Ibn 'Abbās, *marjū'* secara riwayat dan *marjū'* secara *dirāyat*. Pendapat yang benar dalam hal ini ialah pendapat ‘Ā’ishah. Kerana pendapat ‘Ā’ishah itu bukan semata-mata pendapatnya seperti yang didakwakan oleh sebahagian ulama, hanya pendapat yang diperoleh dari Rasul. Terang tegas dalam satu riwayat ‘Ā’ishah berkata: “Sayalah permulaan orang yang bertanya kepada Rasul (S.A.W) tentang makna ayat: “*Lā tadrikuhu al-abṣār*”.